

Guna teknologi AI dalam industri pembinaan: Menteri

KUALA LUMPUR: Syarikat pembinaan disarankan untuk memanfaatkan sepenuhnya teknologi kecerdasan buatan (AI), bagi meningkatkan kecekapan, menjimatkan kos, serta mengurangkan tempoh masa projek pembinaan.

Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Ahmad Maslan berkata pemain industri berkenaan perlu bersifat terbuka, melihat kaedah moden yang terkini untuk diaplikasikan dalam proses kerja projek pembinaan mereka.

"Jadi gunakan Revolusi Industri 4.0 ini seperti AI yang lebih canggih...untuk segala kebaikan dari segi kualiti, kos, masa, reka bentuk, ketepatan, isipadu dan sebagainya.

"Segala teknologi ini sepatutnya beri

kebaikan kepada manusia," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyerahan 12 Projek Siap oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Lumpur, di sini, Khamis.

Beliau berkata antara teknologi AI boleh diadaptasikan ialah penggunaan aplikasi metaverse untuk pemantauan proses kerja di tapak projek yang sedang dijalankan, bagi memastikan ia berjalan lancar sekali gus disiapkan mengikut jadual.

"Kemudian aplikasi atau kaedah 3D, digunakan dengan melihat bangunan dibuat secara maya walaupun ia masih dalam peringkat perancangan," katanya dan menambah aplikasi metaverse telah diguna pakai oleh JKR dalam pelaksanaan

setiap projek seluruh negara.

Sementara itu, Ahmad mengesyorkan supaya Kementerian Kerja Raya (KKR) dan semua agensi di bawah KKR, memperbanyak inovasi baharu dari segi kualiti serta kecepatan pembinaan bangunan, jalan, jambatan dan cerun.

"Kecepatan dan kualiti perlu bergerak serentak...apa saya inginkan ialah standard itu perlu diperbaharui dengan kualiti lebih tinggi dan dengan kepantasan lebih cepat. Nampak sukar, tetapi tiada yang sukar apabila kita boleh gunakan sistem baharu seperti prefab modular method...sekarang ini ada juga teknologi AI yang boleh diguna pakai untuk pembinaan bangunan, jalan, jambatan dan cerun," katanya.

16/5/2024